

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN (REMBAU)**

**TARIKH : 3 JULAI 2019 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sejauh manakah tahap kesiapan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) merentasi pelbagai spektrum dalam menghadapi ancaman tradisional dan bukan tradisional dan apakah langkah-langkah mempertingkatkan keupayaan yang sedang dirancang dan dilaksanakan oleh ATM.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sangat prihatin dan sentiasa berusaha mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan tahap keupayaan dan kesiapsiagaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sentiasa berada ditahap yang terbaik bagi memastikan kedaulatan negara sentiasa terpelihara dalam menghadapi pelbagai ancaman yang merentasi pelbagai spektrum sama ada ancaman berbentuk tradisional mahupun ancaman bukan tradisional.

Bagi mencapai tujuan tersebut, kementerian sedang membangunkan Kertas Putih Pertahanan (KPP) yang akan merangkumi beberapa langkah penambahbaikan hala tuju pembangunan ATM berdasarkan kepada Dasar Pertahanan Negara (DPN), Strategi Ketenteraan Negara dan Pelan Pembangunan Keupayaan Dimensi Keempat Angkatan Tentera Malaysia (4D MAF) yang sedia ada. Kementerian percaya dengan adanya Kertas Putih Pertahanan, pelan atau *roadmap* pembangunan keupayaan jangka panjang ATM yang komprehensif dengan kelengkapan yang berteknologi tinggi dan disepadukan dengan pembangunan modal insan yang berkualiti serta turut mengambilkira faktor pelbagai ancaman yang berbentuk tradisional mahupun bukan tradisional akan dapat direalisasikan bagi memastikan kedaulatan negara, keutuhan wilayah dan kesejahteraan ekonomi negara sentiasa terpelihara.